

Siswa AS terpikat keindahan Malaysia

Oleh Rosli Abdul Jalil
bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: Keramahan rakyat negara ini menjadi aset utama untuk menambat hati pelancong asing yang berkunjung ke negara ini.

Ini terbukti apabila mereka sendiri mengakui bukan saja tertarik dengan keindahan bumi Malaysia tetapi lebih lagi dengan kemesraan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Seorang mahasiswa Universiti Washington, Erik Loken, 20, berkata beliau turut mengagumi kepelbagaian budaya yang dilihat ketika berada di negara ini sejak sebulan lalu.

"Paling menarik, saya bukan sahaja disapa orang yang tidak dikenali, tetapi hampir semua orang yang saya temui, termasuk pemandu teksi mempunyai pengetahuan dalam pelbagai topik.

"Saya boleh berbual apa saja dengan mereka dan namapaknya mereka tahu apa yang mereka katakan berkaitan apa juga topik," katanya.

Erik antara 10 mahasiswa universiti di Amerika Syarikat (AS) yang mengikuti program English Camp: Students Life in Malaysia and The United States yang di-



MESRA: Tiga daripada sepuluh mahasiswa Universiti dari Amerika Syarikat, (dua dari kiri) Liza Meckler, 20, Adam Graham, 25 (tiga dari kanan) dan Loken (dua dari kanan), berkongsi pandangan dengan pelajar Universiti Malaysia Pahang, semalam.

anjurkan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, semalam.

Mereka yang terbabit adalah dari American University, University of Texas dan Haverford College, wakil kedutaan AS, pegawai daripada ERA Consumer Malaysia serta beberapa pensyarah dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP yang bertindak sebagai fasilitator.

Program sehari usaha sama dengan Kedutaan AS itu

bertujuan mendedahkan pelajar universiti dengan masyarakat antarabangsa.

Program yang julung kali diadakan itu turut membatikan 100 pelajar UMP daripada semua fakulti, persatuan pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Seorang lagi peserta, Alys Farrelly, 19, dari American University mengakui teruja apabila diterima menyertai program itu.

Beliau yang pertama kali

berkunjung ke Malaysia menyifatkan dirinya bertuah kerana berpeluang berinteraksi dengan mahasiswa daripada UMP.

"Saya dapati negara ini kaya dengan budaya rakyat pelbagai kaum dan sangat berminat mempelajarinya.

"Pada masa sama, peluang menghadiri kem seperti ini juga dapat digunakan untuk bertukar-tukar pendapat mengenai isu budaya dan sosial," katanya.